

PERTABALAN DALAM INSTITUSI RAJA MELAYU

Abdullah Zakaria Ghazali*

Abstrak

Pertabalan adalah pusaka Institusi Raja Melayu sejak berzaman, dan merupakan proses mengabsahkan serta mendaulatkan Raja Pemerintah baru. Dalam hal ini, naskah Melayu digunakan sebagai sumber perbincangan. Di samping itu makalah ini juga menggunakan sumber primer, rekod negeri, yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia, dan Arkib Kebangsaan United Kingdom, serta sumber sekunder yang berkaitan.

Kata Kunci: Pertabalan dan Institusi Raja Melayu

Pendahuluan

Pertabalan adalah satu upacara mengikut adat resam Raja Melayu yang dilaksanakan bagi mengabsahkan dan mendaulatkan Raja Pemerintah baru. Dengan itu Raja Pemerintah baru akan menjadi lebih sempurna menduduki takhta kerajaan setelah melalui upacara pertabalan. Dalam perkataan lain, pertabalan adalah tradisi, dan berlanjutan diamalkan dalam institusi raja Melayu. Oleh itu pertabalan bukan sahaja pusaka, tetapi juga sebagai penanda aras keagungan serta kehebatan Institusi Raja Melayu. Sehubungan itu, sebagai latar belakang perbincangan, terlebih dahulu dipaparkan sejarah ringkas Institusi Raja Melayu; persoalan pertabalan, dan akhir membincangkan pertabalan dalam Institusi Raja Melayu.

Sejarah Ringkas Institusi Raja Melayu

Dalam lipatan memori kolektif sejarah silam, Institusi Raja Melayu bermula kira-kira 1390 (2020-630=1390) dahulu. Pada 630, kerajaan Kedah bermula, dan diasaskan oleh Maharaja Derbar Raja. Kemudiannya muncul pula Kesultanan Kedah pada 1135, kira-kira 887 (2022-1135=887) dahulu, apabila Maharaja Derbar Raja II memeluk agama Islam pada 1135, dan memakai gelaran Sultan Muzaffar Shah. Sementara itu Kerajaan Melayu Melaka pula diasaskan Raja Iskandar pada 1262, kira-kira 760 dahulu (2022-1262=760), dan bertukar sebagai Kesultanan Melayu Islam apabila Raja Melaka ketiga, Raja Kechil Besar memeluk agama Islam, memakai gelaran Sultan Muhammad Shah (1283-1339). Kemudiannya muncul Kesultanan Johor diasaskan Sultan Alauddin Riayat Shah, putera Sultan Mahmud di menggantikan Kesultanan Melaka yang berakhir setelah kemangkatan Sultan Mahmud di

* Abdullah Zakaria bin Ghazali, PhD (Malaya), DMSM, ialah Profesor Emeritus Universiti Malaya, Felo Persatuan Sejarah Malaysia, dan mantan Profesor di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Kampar pada 1528.¹ Pada tahun sama, 1528, Sultan Muzaffar Shah, juga putera Sultan Mahmud mendirikan Kesultanan Perak. Sementara itu Kesultanan Pahang yang diasaskan Raja Muhammad Ibni Sultan Mansur berterusan sehingga pemerintahan Raja Bujang. Pada 1623, Raja Bujang diangkat sebagai Sultan Johor bergelar Sultan Abdul Jalil Shah III (1623-1677). Mulai 1623, Kesultanan Pahang tidak wujud lagi kerana Pahang menjadi sebahagian Johor, dan di bawah pemerintahan Sultan Johor. Kesultanan Melayu mengalami perubahan penting pada abad ke-18 dan ke-19. Pada abad ke-18, muncul keluarga baru memerintah negeri Melayu. Kesultanan Terengganu pada 1708, diasaskan oleh Tun Zainal Abidin, putera Bendahara Johor Tun Habib Abdul Majid;² Kesultanan Selangor pada 1766, diasaskan Raja Lumu, putera Yang Dipertuan Muda Johor, Daeng Chelak;³ Kerajaan Negeri Sembilan pada 1773, diasaskan Raja Mahmud (lebih dikenali sebagai Raja Malewar),⁴ dan Kesultanan Kelantan, diasaskan Long Yunus, putera Long Sulaiman pada 1776.⁵ Kemudiannya pada 1842, muncul Kerajaan Perlis, diasaskan Syed Husin, putera Penghulu Arau, Syed Harun;⁶ dan Kesultanan Pahang pada 1884, diasaskan oleh Bendahara Wan Ahmad, putera Bendahara Pahang, Wan Ali.⁷ Baginda diiktiraf oleh kerajaan baginda raja pada 1887.⁸

Dalam memori kolektif sejarah, Institusi Raja Melayu ini menghadapi pelbagai cabaran daripada kuasa luar: Portugis, Belanda, Siam, British dan Jepun. Kedatangan Portugis dengan misi menguasai pelabuhan Islam Melaka, menguasai jalur perdagangan dunia melalui Selat Melaka, dan menyebarkan agama Kristian hanya mampu bertapak di Kota Melaka sahaja. Tidak mampu menguasai sepenuhnya perdagangan Selat Melaka, kerana gagal menghalang perkembangan Kerajaan Johor yang menyambung keagungan Melaka. Setelah bertapak kira-kira 130 tahun (1641-1511=130), Portugis disingkirkan dari Kota Melaka oleh Belanda yang dibantu oleh angkatan Johor yang dipimpin oleh Laksamana Tun Abdul Jamil. Tidak banyak berbeza, seperti juga Portugis, Belanda juga berkuasa di Kota Melaka. Namun Belanda terlibat, dan berperang dengan angkatan Melayu di Perak untuk memonopoli perniagaan bijih timah. Berperang dengan Johor kerana perselisihan politik, berakhir berjaya mengalahkan angkatan gabungan Johor dan Selangor, pimpinan Yang Dipertuan Muda Johor Raja Haji. Raja Haji syahid di Teluk Ketapang pada 1784. Gabungan angkatan Melayu Johor dan Selangor pecah, kembali ke negeri masing-masing. Angkatan Belanda meneruskan serangan, menakluki

-
- 1 L.Y. Andaya, *The Kingdom of Johor 1641-1728: Economic and Political Developments*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm. 33.
 - 2 Mohamed Anwar Omar Din dan Nik Anuar Nik Mahmud, dan Jawatankuasa Teknikal & Sidang Editor Yayasan Diraja Sultan Mizan, *Dirgahayu Tuanku Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*, Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan, 2009, hlm. 60.
 - 3 B.W. Andaya, *Perak The Abode of Grace: A Study of an Eighteenth Century Malay State*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1979, hlm. 268. *Pertabalan dan Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Ke-IX – Istallation & Coronation of His Royal Highness The Ninth Sultan of Selangor*, hlm. 199.
 - 4 T.J. Newbold, *British Settlements in the Straits of Malacca*, Volume II, Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 80. R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971, hlm. 369. Khoo Kay Kim, *The Western Malay States, 1850-1873*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972, hlm. 14.
 - 5 Rahmat Saripan, *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan 1776-1842*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm.45.
 - 6 Kobkua Suwanathat-Pian, *Sejarah Thai Zaman Bangkok*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 87. Hussein Baba, Chatitan Atas Sejarah Negeri Perlis, salinan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 1963, hlm. 2-3.
 - 7 Aruna Gopinath, *Pahang 1880-1930: A Political History*, Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1991, hlm. 71.
 - 8 Jang Aisjah Muttalib, *Pemberontakan Pahang 1891-1895*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1971, hlm. 80.

Selangor dan Johor pada 1784. Angkatan Selangor pimpinan Sultan Ibrahim (1778-1826) menyingkir angkatan Belanda dari bumi Selangor pada 1785. Dalam pada itu kerajaan Johor menerima Residen Belanda bertapak di Pulau Bayan. Sementara Belanda terlibat dalam politik kerajaan Johor, dan menjalankan usaha memonopoli perniagaan bijih timah di Selat Melaka, Syarikat Hindia Timur Inggeris melalui pegawainya, Francis Light menduduki Pulau Pinang, dan mengibarkan bendera *Union Jack* tanpa memenuhi tawaran Sultan Abdullah Mukarram Shah (1778-1798) membantu Kedah jika diserang dari Laut dan darat. Tindakan Francis Light itu mencetuskan perselisihan Kedah dengan Syarikat, berakhir perang 1791. Kedah dikalahkan, termeterai Perjanjian Kedah-Syarikat pada 1791. Antara syarat, Syarikat menduduki Pulau Pinang, dan membayar lima ribu dolar Sepanyol setahun. Kemudiannya ketika pemerintahan Sultan Dhiauddin Mukarram Shah, Kedah memeterai perjanjian dengan Syarikat Hindia Timur Inggeris pada 1800, bersetuju menyerahkan Seberang Perai kepada Syarikat, dan menjadi sebahagian Pulau Pinang. Dalam perjanjian ini, Syarikat bersetuju membayar tiap-tiap tahun 10 ribu dolar Sepanyol selagi menduduki Pulau Pinang.

Pada 1819, Syarikat menduduki Singapura, berkuatkuasa Perjanjian Johor-Syarikat pada 1819. Enam tahun kemudian, pada 1825, Syarikat menduduki Melaka, berkuatkuasa Perjanjian London 1824. Jejak-jejak British ini menghasilkan gabungan tiga negeri Melayu, Pulau Pinang, Singapura dan Melaka ke dalam satu pentadbiran dikenali sebagai Negeri-negeri Selat pada 1826, dan menjadi jajahan mahkota British. Ketika British merancang terlibat dalam negeri Perak dan Selangor, angkatan Siam menyerang dan menduduki Kedah pada 1821. Syarikat memeterai perjanjian dengan Perak dan Selangor pada 1825. Walaupun ditentang oleh penduduk tempatan pimpinan Tunku Kudin, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II dan Tunku Muhammad Saad, angkatan Siam dari Songkhla, Ligor dan Bangkok berjaya mengatasi gerakan pembebasan ini. Hanya pada 1842, kira-kira 21 tahun kemudian kerajaan Siam menyerahkan kembali Kedah kepada Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II. Pada 1867, pusat pentadbiran British di India dipindahkan ke London, dan kini dikendalikan oleh Pejabat Kolonial. Langkah dan tindakan Pejabat Kolonial melalui pegawainya mengorak langkah campur tangan dalam negeri Melayu, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang, membentuk Persekutuan pada 1896, berkuatkuasa Perjanjian 1895, dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Seterusnya negeri Melayu Perlis dan Kedah ditadbir British melalui Penasihat British, berkuatkuasa Perjanjian Bangkok 1909. Kemudiannya British terlibat dalam pentadbiran Kelantan pada 1910, Johor pada 1914, dan Terengganu, pada 1910. Pentadbiran British melalui Pejabat Kolonial London di negeri Melayu berterusan sehingga kerajaan British menyerah kalah kepada tentera Jepun pada 1942. Raja Melayu kekal, tetapi pentadbiran tentera Jepun meletakkan baginda sebagai taraf biasa di bawah system nasihat.⁹ Kini Institusi Raja Melayu menghadapi pelbagai pengalaman selama tiga setengah tahun pentadbiran tentera Jepun. Pada 1943, pentadbiran tentera Jepun menyerahkan negeri Perlis, Kedah, Kelantan, dan Terengganu kepada pentadbiran tentera Siam. Raja Melayu dikekalkan, dan Siam memberi jaminan menghormati agama Islam.¹⁰ Institusi Raja Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu menghadapi pentadbiran tentera Siam, 1943 hingga 1945. Kemudiannya selepas perang dunia kedua, Institusi Raja Melayu menghadapi pentadbiran

9 Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945*, London: Allen & Unwin, 1998, hlm. 67.

10 SUK. Tr. 78/1362, "Kenyataan Military High Commissioner Tentera Darat Thai Perkara Me[ng]hadkan Kekuasaan Pemerintahan dan Tanggungan Rakyat-Rakyat Negeri", Military High Commissioner, 19 Tulakum sanat 2486.

tentera British (1945-1946), kerajaan Malayan Union (1946-1948), kerajaan Persekutuan Tanah Melayu (1948-1957), dan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu berdaulat, merdeka, kerajaan berpalam dan raja berpelembagaan mulai 1957. Dalam usaha melaksanakan kerajaan Malayan Union, Sir MacMichael mendapatkan tandatangan persetujuan daripada Raja Melayu pada 1945. Dalam perjanjian ini Raja Melayu bersetuju "... Yang Maha Mulia Baginda King tetap-lah akan beroleh sa-penoh-penoh kuasa mengadakan undang-undang di-dalam negeri..."¹¹ Sementara itu pemansuhan kerajaan Malayan Union, dan pelaksanaan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948, berkuatkuasa Perjanjian 1948.¹² Sepanjang tempoh sehingga Persekutuan Tanah Melayu merdeka 1957, Institusi Raja Melayu menghadapi pelbagai pengalaman pahit dan getir ketika penjajah Portugis, Belanda, Siam British dan Jepun. Namun begitu Institusi Raja Melayu terus utuh sebagai penjaga dan pelindung rakyat, dan rakyat pula memberi sokongan serta setia kepada Institusi Raja.

Persoalan Pertabalan Dalam Institusi Raja Melayu

Pertabalan, Kemahkotaan, atau Pertabalan dan Kemahkotaan adalah istilah rujukan yang diguna pakai dalam adat dan resam pertabalan Institusi Raja Melayu, dan sekali gus merujuk kepada proses upacara pengabsahkan Raja Pemerintah baru. Institusi Raja Melayu selain Selangor dan Johor menggunakan Pertabalan; Selangor, Pertabalan dan Kemahkotaan, dan Johor, Kemahkotaan. Dalam perkataan lain, ketiga-tiga istilah adalah merujuk kepada satu upacara yang biasanya diguna dan dipakai dalam Institusi Raja Melayu sebagai Pertabalan. Dengan itu dalam makalah ini, Pertabalan digunakan dalam perbincangan.

Dalam perbincangan tentang pertabalan ini, perkara utama yang menjadi persoalan ialah kenapakah pertabalan diadakan? Dalam persoalan ini, pertabalan dilaksanakan adalah untuk mengabsahkan Raja Pemerintah baru. Seterusnya, kenapakah pula ada Raja Pemerintah baru? Dalam memori kolektif sejarah Institusi Raja Melayu, pemilihan, pelantikan, pemasyhuran dan pertabalan berlaku disebabkan empat perkara. Pertama, Raja Pemerintah mangkat, kedua Raja Pemerintah meletakkan jawatan, ketiga Raja Pemerintah tidak berkecukupan, dan keempat Raja Pemerintah dilucutkan jawatan. Kategori pertama adalah biasa dalam Institusi Raja Melayu. Misalnya, apabila Sultan Abdul Hamid mangkat pada 1943, Raja Muda Badlishah dipilih, dilantik, dimasyhurkan dan ditabalkan sebagai Sultan Kedah. Begitu juga apabila Sultan Ibrahim, Kelantan mangkat pada 1943, Tengku Mahkota Yahya dipilih, dilantik, dimasyhurkan dan ditabalkan sebagai Sultan Kelantan. Juga keadaan sama, apabila Sultan Ala'edin Suleiman Shah mangkat pada 1938, Raja Muda Alam Shah dipilih, dilantik, dimasyhurkan dan ditabalkan sebagai Sultan Selangor bergelar Sultan Hishamuddin Alam Shah.

Kategori kedua, apabila Sultan Muhammad Terengganu meletakkan jawatan pada 1920, oleh kerana belum dilantik Yang di-Pertuan Muda, Tengku Muda Sulaiman adinda baginda dipilih, dilantik, dimasyhurkan dan ditabalkan sebagai Sultan Terengganu, memakai gelaran Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (1920-1942). Kategori ketiga pula, boleh dirujuk kepada Sultan Ali Terengganu. Sultan Ali menggantikan ayahanda baginda, Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah yang mangkat pada 1942. Baginda menduduki takhta dan

11 DO 118/297, Malay States Agreement of 1945.

12 DO 118/298, Federation of Malaya Agreement 1948.

memerintah Terengganu ketika pentadbiran Tentera Jepun pada 1942 hingga 1945. Ketika pentadbiran Tentera British, Majlis Mesyuarat Negeri yang bersidang pada 5 November 1945, sebulat suara bersetuju Sultan Ali tidak berkelayakan meneruskan jawatan sebagai Sultan Terengganu. Dengan itu Tengku Paduka Laksamana Ismail, bapa saudara baginda dipilih, dilantik, dimasyhur sebagai Sultan Terengganu, dan ditabalkan sebagai Sultan Terengganu pada 1949, memakai gelaran Sultan Ismail Nasiruddin Shah. Seterusnya dalam sejarah Institusi Raja Melayu, dan katogori keempat, Raja Perlis, Syed Hamzah (1943-1945) tidak diiktiraf oleh kerajaan baginda raja. Berikutnya, Syed Harun Putra (lebih dikenali sebagai Syed Putra) dipilih, dilantik, dimasyhur dan ditabalkan sebagai Raja Perlis, dengan gelaran Tuanku Syed Putra Jamalullail pada 1946. Kekosongan takhta membawa kepada mesyuarat badan bertanggungjawab kepada pemilihan dan pelantikan Raja baru. Kemudiannya apabila Persekutuan Tanah Melayu dibentuk menggantikan Malayan Union pada 1 Februari 1948, berkuatkuasa Perjanjian masing-masing negeri, dan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, 21 Januari 1948, masing-masing Raja memperkenankan dan memasyhurkan Undang-undang Tubuh Negeri, berkuatkuasa undang-undang ini sebuah badan dibentuk, antaranya khusus berkaitan pemilihan, pelantikan dan pemasyhuran Raja Pemerintah Baru. Namun begitu bagi negeri Johor dan Terengganu meneruskan perkara ini yang sudah terdapat dalam Undang-undang Tubuh yang dizahirkan, Johor pada 1895, dan Terengganu pada 1911. Nama badan ini mengikut catatan dalam undang-undang Tubuh masing-masing negeri: Perak, Dewan Negara; Kelantan, Majlis Perajaan Negeri Kelantan; Perlis, Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja Perlis; Pahang, Jumaah Pangkuan di-Raja Negeri; Selangor, Jumaah Pangkuan Negeri; Kedah, Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja Kedah; Johor, Jumaah Pangkuan Negeri (Undang-undang Tubuh 1895); Terengganu, Jumaah Pangkuan Negeri dan Negeri Sembilan, hendaklah dipilih oleh Undang Luak Sungai Ujong, Undang Luak Jelebu dan Undang Luak Johol. Badan ini mempunyai kuasa dalam Institusi Raja Melayu. Badan inilah yang mengikat atau melantik, dan memutuskan atau melucutkan "...jika ia difikirkan dan ditetapkan, selepas disiasat dengan sepenuh dan secukupnya oleh Majlis Perajaan Negeri, ada mempunyai kecacatan yang besar dan berat yang menyalahi sifat [Waris], iaitu, apa-apa pengidapan yang berkekalan, seperti hilang akal, buta, bisu atau pun mempunyai sifat-sifat yang keji yang tidak dibenarkan oleh Hukum Syarak menjadi [Waris]".¹³ Dalam memilih, melantik dan memasyhurkan Raja dalam Institusi Raja Perlis dikendalikan oleh sebuah badan, Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja. Penubuhan dan anggota Majlis ini mengikut peruntukan Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis. Undang-undang Tubuh 1959, mencatatkan "...lepas daripada mangkat atau berhenti Raja daripada kerajaan atau turun ia daripada menjadi Raja ..." ahli Mesyuarat Mengangkat Raja akan dipanggil bersidang pada tarikh, tempat dan waktu yang ditetapkan. Semua ahli diwajibkan hadir, kecuali ketidakhadirannya itu dimaafkan. Majlis ini akan mengangkat Raja, kecuali setelah diperiksa "...yang sepenuh dan yang secukupnya Majlis itu berfikir ianya mempunyai apa-apa kecacatan yang besar dan berat yang menyalahi sifat Raja seperti kelemahan badan, buta, bisu atau mempunyai sifat-sifat yang keji yang tiada dibenarkan oleh huku syarak menjadi Raja".¹⁴ Dalam Institusi Raja Pahang, Jumaah Pangkuan di-Raja

13 *Undang-undang Negeri Kelantan*, cetakan semula, *Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan*, Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang Kelantan dengan usaha sama dengan Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang Malaysia, 2008, hlm. 77.

14 *Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis*, Alor Setar: dicapkan di Pejabat Cetak Kerajaan, 1378 [1959], hlm. 6.

Negeri bertanggungjawab memilih, melantik dan menabalkan Raja Pemerintah. Fasal 7(1) Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang menyatakan Raja Pemerintah baru hendaklah diakui oleh Jumaah Pangkuan Diraja Negeri dan "...kemudian daripada itu hendaklah ditabalkan menurut adat istiadat Melayu Negeri ini".¹⁵ Selain itu dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang membolehkan Raja Pemerintah turun dari takhta kerajaan. Perkara Raja Pemerintah melepas takhta kerajaan dicatatkan dengan terang dan jelas dalam fasal 17, Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895. Dengan judul, "Raja hendak berhenti daripada kerajaan" fasal ini menyatakan "Jikalau Raja itu pada sebarang masa ia di atas kerajaan tiada suka lagi menjadi Raja dan demikian hendak berhenti dan melepaskan hak-hak kuat kuasa kerajaan oleh kerana sebarang rupa atau jenis keuzuran sama ada keuzuran itu redha ia mendhahirkan atau tidak bolehlah ia lepas dan berhenti daripada menjadi Raja..."¹⁶ Perkara sama, melepaskan takhta kerajaan dicatat juga dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang. Fasal 9(1) Undang-undang ini mencatatkan "Raja Pemerintah, dengan rela hati sendiri, boleh turun dari takhta dan boleh melepaskan hak-hak dan kuasa-kuasa dirajanya jika Baginda berkehendak berbuat demikian itu".¹⁷ Begitu juga Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu, fasal 15, menyatakan "Harus Raja Berhenti daripada kerajaan". Fasal ini mencatatkan "Maka jikalau Raja yang di atas kerajaan tiada suka menjadi Raja hendak berhenti dan menarik diri daripada kerajaan kerana sebarang jenis keuzuran sama ada uzurnya itu redha ia mendhahirkan [menzahirkan] atau tidak maka bolehlah ia lepas dan berhenti daripada menjadi Raja..."¹⁸ Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan, fasal 8(1) mencatatkan "Lepas sahaja daripada mangkat atau turun takhta daripada menjadi Raja atau lucut baginda daripada menjadi Raja di bawah syarat-syarat Bahagian ini, menurutlah mana-mana yang berlaku,..." ahli Majlis Perajaan Negeri akan dipanggil mesyuarat di tempat dan waktu yang ditetapkan. Semua ahli diwajibkan hadir, kecuali mendapat izin tidak hadir. Dalam mesyuarat ini pemilihan sebagai Raja Pemerintah hendaklah mengesahkan bakal Raja itu, melainkan jika "Setelah disiasat dengan sepenuh dan secukupnya Majlis itu berpendapat ia ada apa-apa kecacatan yang besar dan berat yang menyalahi sifat-sifat Raja seperti pengidapan yang berkekalan, buta, bisu ataupun mempunyai sifat-sifat yang keji yang tidak dibenarkan oleh Hukum Syarak menjadi Raja".¹⁹ Jika ahli Majlis tidak bersedia mengesahkannya, calon lain, Waris Kedua, atau mengikut tertibnya dipilih, dilantik dan disahkan sebagai bakal Raja. Begitu juga peruntukan fasal XX(1) Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor Bahagian Kedua menyebut perkara ini. Namun begitu jika perkataan "disiasat dengan sepenuh dan secukupnya" digunakan dalam Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan, perkataan "diselidik dan disiasat dengan halus" digunakan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor Bahagian Yang Kedua.²⁰

15 *Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang*, diterbitkan oleh Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang Pahang secara usahasama dengan Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia, 2008, hlm.15.

16 "1 Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor Hijrah 1312 (14 April 1895)", *Undang-undang Tubuh Kerajaan, Johore Serta Tambahan-tambahan-nya*, Johor Bahru: dicetak di Pejabat Cetak Kerajaan Johor, 1931, hlm. 10.

17 *Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang*, hlm.16.

18 *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911*, hlm. 7.

19 *Undang-undang Negeri Kelantan*, hlm. 63. Perkara sama dicatatkan dalam *The Laws of the State Constitution of Kedah*, Penchetak Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, 1963, hlm. 6.

20 *Undang-undang Tubuh Kerajaan Kerajaan Selangor Bahagian Yang Kedua*, hlm. 13. Boleh juga rujuk versi English, XX (1), *The Laws of the Constitution of Selangor*, Second Part, Issued by command, and on behalf, of His Highness the Sultan of Selangor, hlm. 10.

Apabila Raja Pemerintah baru dimasyhurkan, kemudiannya diikuti dengan upacara pertabalan. Dalam upacara pertabalan itu, proses adalah untuk Raja Pemerintah baru sahaja. Selain adat dan istiadat pertabalan terhadap Raja Pemerintah baru, diikuti dengan laungan “daulat tuanku”. Ungkapan daulat tuanku diseru kepada Raja Pemerintah baru. Dengan itu upacara pertabalan, bukan sahaja negabsahkan Raja tetapi juga mendaulatkan Raja.

Raja Pemerintah dirujuk sebagai berdaulat. Timbul persoalan apakah daulat? Daulat adalah abstrak. Mengikut naskhah Melayu, *Adat Raja-Raja Melayu* karangan Abdul Muhi,²¹ peranakan Terengganu pada 1779, daulat itu adalah tuah. Naskhah ini mencatatkan Raja dianugerahkan Allah daulat, iaitu tuah. Apabila Raja berdaulat, penduduk kasih sayang dan takut kepada baginda. Mereka menurut, memuji, dan rela menerima segala perintahnya.²² Oleh kerana Raja Pemerintah itu mendapat daulat, kurniaan Allah kepadanya menyebabkan masyarakat Melayu menyebut, Raja itu bayangan Allah di bumi atau wakil Allah di bumi.

Sehubungannya itu kedudukan kemuliaan Raja Pemerintah sangat tinggi berbanding manusia lain dalam kawasan pemerintahannya. Bertambah-tambah tinggi kedaulatan dan kemuliaan Raja Pemerintah itu jika bersifat baik budi pekerti, dan adil pemerintahannya. Dengan itu untuk menjadi Raja Pemerintah hendaklah memiliki empat perkara. Pertama, tua hati atau betul; kedua, muka senantiasa manis; ketiga fetah bercakap berlidah fasih); dan keempat pemurah (bertangan murah). Seterusnya ketika melaksanakan pemerintahan Raja Pemerintah hendaklah juga memiliki empat perkara. Pertama, hukumannya adil, hukumnya mengasihani, ketiga kekerasan dan keempat berani.²³

Dengan segala kelebihan dan kemuliaan itu menjadikan Raja Pemerintah yang melalui proses pertabalan itu bertambah berdaulat. Setelah daulat bersebat pada tubuh Raja Pemerintah lahirlah kesucian dalam tubuh Raja Pemerintah. Oleh sebab itu Raja Pemerintah memiliki pancuran kemuliaan, pancuran keadilan, pancuran rahmat, kepala agama negeri, mengawal adat Melayu, tuan tanah yang sebenar. Segala yang dimiliki Raja Pemerintah itu, menyebabkan Raja Pemerintah berdaulat. Seterusnya segala perbuatan Raja Pemerintah tidak boleh dianggap salah, dan Raja Pemerintah itu disifatkan tidak mangkat.²⁴ Undang-undang Negeri Kelantan pula menyatakan perkara ini sebagai hak kelebihan dan milik Raja: pancuran kemuliaan, pancuran keadilan, pancuran rahmat, ketua agama negeri, pengawal adat istiadat Melayu dan tuan punya tanah sebenar dan muktamad. Seterusnya Raja Pemerintah memiliki Jiwa Kedaulatan, dan menjadi anggota baginda. Jiwa Kedaulatan ini menjadikan Raja Pemerintah tidak boleh berbuat salah, disifatkan tidak mangkat.²⁵ Sifat berdaulat dan

21 Abdul Muhi datang ke Melaka pada 5 Mei 1784, melalui Siak membawa surat Sultan Terengganu (Sultan Mansur I) untuk disampaikan kepada Gabeor Belanda, De Bruyn. Beliau menetap di Melaka, berkhidmat di Masjid Tengkerah. Beliau diarahkan oleh Gabenor menulis naskhah itu. Panuti, H.M. Sudjiman, *Adat Raja-Raja Melayu*, Jakarta: Universitas Indonesia (UI-PRESS), 1996, hlm. 9-10; 56.

22 “...adalah raja itu dikurniai Allah ta’atala dilebihkan/daulatnya, yaitu tuahnya. Maka adalah yang bernama tuah itu banyak namanya; apabila dia duduk kepada menteri, /bertuah namanya’ jika ia duduk kepada orang kebanyakan, beruntung namanya. Demikian lagi pada barang di mana /tempat yang didudukkannya oleh tuah itu, kesemuanya menjadi baik semata-mata jua adanya. istimewa pula /jika duduk tuah itu kepada raja kerajaan, maka dinamai akan dia itu berdaulat. Maka tatakala itu segala manusiapun /kasih sayang dan takut akan dia. Maka mereka itupun menurutilah sebarang perkataannya, dan memuji-mujilah /atas segala segala kelakuannya dan relalah segala mereka itu menerima atas segala hukumnya”. Panuti, H.M. Sudjiman, *Adat Raja-Raja Melayu*, hlm. 133.

23 Panuti, H.M. Sudjiman, *Adat Raja-Raja Melayu*, hlm. 133.

24 *Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak*, Kuala Lumpur: Pencetak Kerajaan, 1960, hlm. 26.

25 *Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan*, cetakan semula, hlm. 88.

mulia Raja Pemerintah ini menyebabkan baginda dipertanggungjawabkan "...mengawal kedudukan khas bagi orang-orang Melayu dan hak-hak yang halal bagi lain-lain kaum mengikut sebagaimana syarat fasal ini".²⁶ Walaupun terdapat perbezaan susunan ayat dan perkataan tertentu, tetapi maksud dan makna sama. Raja Perlis mengikut peruntukkan fasal 70(1), "Maka bertanggunglah di atas Raja Pemerintah menjaga kedudukan yang khas bagi orang-orang Melayu dan hak-hak yang sah bagi bangsa-bangsa yang lain menurut syarat-syarat perkara ini".²⁷ Perkara sama dicatatkan dalam Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan, fasa; 27a(1), "Maka hendaklah menjadi tanggungjawab Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada menjaga kedudukan Istimewa orang Melayu dan hak-hak yang halal bagi lain-lain kaum mengikut syarat-syarat Perkara ini".²⁸ Undang-undang Tubuh Negeri Sembilan juga menyatakan seperti Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan, "Adalah menjadi tanggungjawab kepada Yang Maha Mulia menjaga kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan hak-hak yang halal bagi kaum-kaum bangsa asing menurut syarat-syarat bab ini".²⁹

Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis, fasal 23, mencatatkan "Maka Raja itu hendaklah ditabalkan mengikut adat istiadat negeri Perlis".³⁰ Dengan itu dalam Institusi Raja Perlis, pertabalan tidak boleh tidak mesti dilaksanakan terhadap Raja Pemerintah baru. Walaupun perkataan "Pertabalan" tidak dinyatakan atau tidak jelas dalam Undang-undang Tubuh negeri beraja lain, tetapi Pertabalan adalah upacara yang dilaksanakan dalam Institusi Raja Melayu sejak berzaman. Dengan kata lain, upacara pertabalan Raja Pemerintah baru menjadi tradisi dalam Institusi Raja Melayu.

Dalam naskhah Melayu terkenal hanya mencatatkan Raja ditabalkan sahaja, tanpa huraian lanjut. *Sulalatus Salatin* atau lebih terkenal sebagai *Sejarah Melayu* yang ditulis pada kurun ke-17, mencatatkan apabila Raja Kasim menggantikan Sultan Abu Shahid (atau Raja Ibrahim), baginda ditabalkan, dan memakai gelaran Sultan Muzaffar Shah.³¹ *Misa Melayu* yang ditulis pada kurun ke-18 juga tidak menjelaskan dengan terperinci upacara pertabalan Raja Iskandar, tetapi lebih baik berbanding *Sulalatus Salatin*. *Misa Melayu* mencatatkan, setelah Sultan Muzaffar Shah (1728-1756) pada 1756, orang besar Perak menabal Raja Muda Iskandar sebagai Sultan Perak (1756-1770). Dalam upacara itu disebut, "...di-beri memakai segala alat pawai kerajaan salengkap-nya serta sedia sakalian pedang kerajaan dan segala kebesaran yang lain-nya. Sa-telah itu maka di-hadapi oleh segala anak raja-raja dan segala orang besar-besar dan hulubalang ra'ayat sakalian-nya berhadhir, maka bunyi-bunyian pun di-pukul orang-lah gendang nafiri tujuh kali. Ada pun sa-telah sudah tujuh kali tabal, maka segala anak raja-raja dan orang besar besar dan ra'ayat sakalian serta segala isi negeri Perak ini semua-nya mengangkat tangan di-atas kepala-nya mengatakan, "Daulat tuanku! barang dilanjutkan Allah kira-nya umor zaman baginda di-atas takhta singgahsana kerajaan negeri

26 *Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak*, hlm. 10.

27 *Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis*, hlm. 22.

28 *Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan*, hlm. 28. XXVIIIB (1), *The Constitution of the State of KELANTAN*, Jabatan Cetak Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, 1963, hlm. 10.

29 Fasal 29b (1), *Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan Yang Pertama 1948 sebagaimana yang dipinda*, Kuala Lumpur: Government Press, 1958, 21.

30 *Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis*, hlm. 9.

31 A. Samad Ahmad (penyelenggara), *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm. 81. Abdul Rahman Haji Ismail (dirumikan), *Sejarah Melayu The Malay Annals*, MS. RAFFLES No. 18, Reprint No. 17, The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1998, hlm. 134.

Perak daru'r-rizwan ikrar sentiasa di-hadapan sa-isi negeri ini dengan orang tiada-lah khali siang dan malam”, dan bergelar Paduka Seri Sultan Iskandat Dzulkarnain Shah Khalifatur-Rahman Johan Berdaulat Dzillullah fi Alami.³² Berbanding *Tuhfat al-Nafis* yang dikarang pada kurun ke-19, mencatatkan setelah Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah (1718-1722 - dikenali juga sebagai Raja Kechil), Opu Bugis Lima Bersaudara (Daeng Parani, Daeng Marewah, Daeng Chelak, Daeng Menambun dan Daeng Kemasi) mengangkat dan menabalkan Raja Sulaiman ibn Sultan Abdul Jalil Shah IV sebagai Sultan Johor, bergelar Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (1722-1746). Huraian pertabalan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah dalam *Tuhfat al-Nafis* lebih pendek berbanding *Misa Melayu*, tetapi panjang daripada huraian *Sulalatus Salatin*. *Tuhfat al-Nafis* mencatatkan suku Bugis dan Melayu melantik Raja Sulaiman sebagai Sultan Johor. Seterusnya masing-masing yang hadir dalam upacara pertabalan itu menyeru daulat tuanku.³³ Catatan ketiga-tiga naskhah Melayu itu membuktikan pertabalan adalah upacara terhadap Raja Pemerintahan baru, dan berlangsung dalam Kesultanan Melaka, Kesultanan Perak dan Kesultanan Johor.

Pertabalan Dalam Institusi Raja Melayu

Pertabalan dan Kemahkotaan digunakan dalam Institusi Raja Selangor ketika Pertabalan dan Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Ke-IX, Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibn Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj;³⁴ Kemahkotaan pula dirujuk kepada Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibn Almarhum Sultan Iskandar Sultan Johor. Kemahkotaan Sultan Ibrahim Johor berlangsung pada 23 Mac 2015.³⁵ Pertabalan pula, antara lain istilah rujukan yang digunakan dalam Institusi Raja Terengganu³⁶ dan Negeri Sembilan.³⁷ Namun begitu dalam Institusi Raja Melayu, menjadi kelaziman, istilah rujukan yang digunakan sebagai Pertabalan. Dengan itu makalah ini menggunakan istilah Pertabalan dalam huraian dan perbincangan.

Perbincangan pertabalan dalam Institusi Raja Melayu dalam makalah ini akan merujuk kepada tiga naskhah Melayu: *Atoran Aadat Istiaadat Raja Raja kerajaan besar dikeluarkan daripada perhimpunan surat aadat Istiaadat Negeri Selangor, Rio, Lingga, Johore dan Pahang, Adat Lembaga Orang-Orang Melayu Didalam Negeri Perak Darul Riduan, dan Kenangan-kenangan Selangor*. Sekali gus membuktikan naskah Melayu sarat menyimpan maklumat adat, pemikiran, budi, hati dan kearifan Melayu.

Dalam *Atoran Aadat Istiaadat Raja Raja Kerja-aan*, menjelaskan Raja Berkerajaan itu adalah Raja Bertabal. Seterusnya menyatakan aturan bertabal ini diambil daripada sejarah,

32 Raja Chulan, *Misa Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1966, hlm. 52.

33 Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Riau-Lingga dan Daerah Takluknya 1699-1864*, Yanjungpinang: Yayasan Khazanah Melayu, 2002, hlm. 60.

34 *Pertabalan dan Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Ke-IX Installation & Coronation of His Royal Highness The Ninth Sultan of Selangor*.

35 *Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibn Almarhum Sultan Iskandar Sultan Johor 23 Mac 2015 bersamaan 2 Jamadilakhir 1436H*.

36 *Pertabalan 4 Mac 1999 bersamaan 15 Zulhaedah 1419*.

37 *Istiadat Pertabalan Duli Yang Maha Mulis Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus Tuanku Muhriz Ibn Almarhum Tuanku Munawir 22 hingga 28 Oktober 2009 bersamaan 3 hingga 9 Zulkaedah 1430H*.

Raja Melayu Selangor, Riau-Lingga, Johor dan Pahang tanpa sebarang perubahan. Naskah ini mengandungi lima fasal. Fasal pertama menyatakan Yang di-Pertuan Besar atau Yang di-Pertuan Muda atau Bendahara bermuafakat dengan menteri dan orang besar-besar. Setelah sepakat, tindakan diambil untuk persiapan upacara pertabalan. Antaranya, mengatur istana, balairong seri dan balai panca persada. Semuanya disampul kuning kekuningan dan perhiasan yang indah-indah. Panca Persada dibina sembilan tingkat dengan berbagai hiasan, tempat Raja bersiram. Upacara ini dihadiri anak raja, kerabat, orang besar-besar, orang baik-baik, dan mereka berada di tempat mengikut taraf masing-masing. Di halaman Panca Persada, berbaris mengilingi Panca Persada tersebut, antaranya menyandand pedang dan memikul lembing.

Fasal kedua, perhiasan dan kelengkapan Balairong Seri, termasuk penterakna. Fasal ketiga, mengenai perhiasan dan kelengkapan singgahsana. Fasal keempat, setelah lengkap persiapan dilaksanakan upacara Meletakkan Kerja; nobat dipalu tujuh kali sehari, dan temasya dilangsungkan. Fasal kelima, menyatakan paluan nobat mengikut tertib waktu, dan tembakan meriam. Juga menjelaskan kedudukan pengiring serta kelengkapan ketika Raja berangkat dan berada di Panca Persada. Juga menyatakan mereka dan kelengkapan ketika Raja bersiram di Panca Persada, berangkat ke istana dan ketika santap.

Fasal keenam, menyatakan Raja berangkat ke tempat bersiram. Ketika baginda bersiap, nobat lagu seri istana dipalu. Seterusnya baginda berangkat diiringi oleh penjawat yang membawa keris panjang, tepak, ketur, beras kuning, dan diiringi anak raja, kerabat dan orang besar serta penjawat dengan kelengkapan perarakan sehingga ke Panca Persada, dan nobat lagu perang dipalu. Ketika Raja bersiram nobat lagu palu-palu dimainkan. Setelah Raja selesai bersiram, nobat lagu arak-arak dimainkan, dan dikuti tembakan meriam. Raja berangkat ke istana, dan memakai pakaian kerajaan, serta dipalu pula nobat lagu Seri Istana. Kemudiannya Raja keluar ke singgahsana diiringi perarakan seperti ke Panca Persada. Ketika Raja bersemayam di singgahsana, masing-masing yang hadir duduk di tempat mengikut kedudukan dan taraf masing-masing. Sementara itu nobat lagu Ibrahim khalilullah dipalu. Berikutnya semua yang hadir berdiri, dan memberi hormat kepada Raja, dan begitu juga Raja berdiri di singgahsana memberi hormat balas. Berikutnya sumpah setia orang besar-besar dengan Raja, dan bacaan doa. Kemudiannya upacara diteruskan lagi dengan paluan nobat lagu Ibrahim Khalillah. Seterusnya orang besar-besar datang menghadap menjunjung duli. Setelah selesai menjunjung duli nobat lagu arak-arak dipalu, serta tembakan meriam dilepaskan, dan Raja berangkat ke istana.³⁸

Satu lagi naskah Melayu menarik mencatatkan pertabalan, berjudul *Adat Lembaga Orang-Orang Melayu Didalam Negeri Perak Darul Riduan*. Naskah ini menerangkan pertabalan dalam Institusi Raja Perak. Dinyatakan terdapat tiga kali pertabalan dilaksanakan dalam Institusi Raja Melayu Perak. Pertama tabal gelar, kedua tabal adat dan ketiga bersiram tabal. Tabal gelar dilaksanakan sebelum keranda jenazah Raja mangkat diangkat, dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda berdiri di sisi, ulu keranda. Dalam upacara ini, ketua betara, To' Seri Nara Dira mengisytiharkan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda sebagai Sultan Perak, menggantikan Raja yang mangkat. Semua yang hadir berseru daulat. Kemudiannya diikuti dengan Duli Yang Maha Mulia meletakkan tangan baginda di atas keranda sebagai

38 PSUKNSEL 1585/1899, Rules Regarding Employment of Rajas, Atoran Aadat Istiaadat Raja-Raja Kerajaan besar dikeluarkan daripada perhimpunan surat aadat Istiaadat negeri Selangor, Rio, Lingga, Johore dan Pahang.

39 *Adat Lembaga Orang-Orang Melayu Didalam Negeri Perak Darul Riduan*, hlm. 44-45.

isyarat memberi titah mengangkat keranda itu dari istana untuk diletakkan ke dalam seraja diraja yang tersedia menunggu di halaman istana.³⁹

Tabal Adat pula, dimulakan dengan paluan nobat pagi dan petang selama empat hari berturut-turut. Bagi menjelaskan Tabal Adat ini dipetik sepenuhnya dari *Adat Lembaga Orang-Orang Melayu Didalam Negeri Perak Darul Riduan*. Naskah ini mencatatkan seperti berikut:

Pada hari yang kelima, tetap pada waktu yang ditetapkan paluan nobat Raja berangkat akan dibunyikan. Duli Yang Maha Mulia Sultan yang telah siap berpakaian lengkap dengan mahkota yang diletakkan ditengkolok serta memakai Pontoh Bernaga dan Rantai Bunga Nyior, berangkat masuk ke Balairong Seri dengan didahului oleh Panglima Besar, Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Di Hilir berserta juru-juru iring Baginda Sultan lalu naik bersemayam diatas singgahsana, dan yang lain-lain mengambil tempat masing-masing.

Kemudian pawang Diraja, Raja Cik Muda dengan dikapiti oleh Panglima Perang Kanan dan Panglima Perang Kiri pun masuk membawa pedang cura Cura Si Manja Kini, diikuti oleh bentara-bentara yang membawa Perkakas Kerajaan yang lain-lain diletakkan diatas meja dihadapan singgahsana kecuali Cap Halilintar dan Mestika Embon yang sedia ada dalam simpanan To' Seri Nara Diraja. Pawang Diraja mengambil tempatnya dan ketika itu juga Panglima Besar menyembah dan terus mengambil pedang [Cura] Si Manja Kini serta menyampaikan kepada Pawang Diraja dan beliau pun mempersembahkan pedang itu kepada Baginda Sultan.

Baginda bangun menyambut pedang itu lalu menghunus akan dia. Sesudah pedang itu dikucup dan disarungkan semula maka baginda pun menyandangkan dibahu kanannya. Ini diikuti oleh To' Seri Nara Diraja datang (tidak menyembah) menyampaikan Mestika Embon dan meletakkan Cap Halilintar ditelinga kanan baginda sambil membisikkan RAHSIA NASAB SULTANI. Setelah itu baharulah To' Nara Diraja menyembah dan undur balik ketempatnya.

Dengan itu sampailah upacara Tabal Adat ke mercu yang menandakan bahawa Duli Yang Maha Mulia telah selamat sempurna dinobatkan sebagai raja yang sah lagi berdaulat mengikut adat istiadat Diraja yang turun temurun dinegeri Perak Darul Ridzuan.

Apabila mustaid sekaliannya maka bangunlah Yang Amat Berbahagia, Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja menyerukan "Daulat Tuanku" sebanyak tiga kali berturut-turut, diikuti oleh hadirin sekalian. Maka Duli Yang Maha Mulia pun membalas seruan itu dengan menganggukkan ulu baginda berulang-ulang.

Setelah Duli Yang Maha Mulia bersemayam semula maka nobat pun dipalu, disambuti dengan tembakan meriam sebanyak dua puluh satu

40 Ibid., hlm. 45.

das. Upacara ditamatkan dengan doa selamat oleh Sahibul Fadilah Tuan Mufti serta diaminikan oleh sekelian yang hadir”.⁴⁰

Seterusnya Bersiram Tabal. Upacara ini dilaksanakan seperti berikut:

Mulanya Raja Cik Muda, Pawang Diraja berjaga-jaga dengan sekalian pawang-pawang di bawah tangannya kerana memuja perkakas-perkakas kerajaan selama tujuh hari tujuh malam atau tiga hari tiga malam. Maka pada malam yang ketujuh (?) dini hari dipersilakan Duli Yang Maha Mulia dan Yang Maha Mulia Raja Perempuan bersemayam diatas mercu panca persada dengan segala kelengkapan kerajaan serta nobat sedia dihadapan panca persada itu. Maka peraturan ini dijalankan oleh Pawang Diraja sendiri dari awal hingga akhir.

Maka tatkala Duli Yang Maha Mulia diatas mercu panca persada berdirilah Pawang Diraja dihadapan panca persada itu menyeru Jin Kerajaan empat penjuru alam ini. Kemudian baginda kedua pun disiramkan.

Akan tetapi pada zaman sekarang Bersiram Tabal itu dilakukan pada malam ketiga selepas pertabalan Adat. Peraturannya sebagai berikut: Upacara istiadat itu dimulakan dengan Pawang Diraja memulih perkakas kerajaan dan nobat dibalairong Seri pada tempat yang disediakan dan dihadapi oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan serta Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan. Baginda kedua tidak bersemayam diatas singgahsana.

Setelah selesai upacara memulih itu maka kedua baginda pun berangkat turun dari istana lalu berarak didahului oleh Panglima Besar dan Panglima Perang Kanan serta Panglima Perang Kiri dan bentara-bentara menuju ke panca persada. Perarakan itu dilakukan tujuh kali mengelilingi panca persada dibawa oleh Pawang Diraja. Apabila genap tujuh kali lalu dibawanya pula naik ke Seri Panca Persada dan baginda kedua pun disiramkan. Selepas bersiram baginda kedua pun berarak balik ke istana dengan paluan nobat.

Sampai keistana maka Duli Yang Maha Mulia kedua pun bersalin pakaian. Lepas itu berangkat pula ke Balairong Seri dengan paluan nobat juga, didahului oleh Panglima Besar dan lain-lainnya dan baginda kedua naik bersemayam diatas singgahsana.

Maka Pawang Diraja pun mulalah menjalankan upacara merenjis Air Panca Bicara, mula-mula perkakas kerajaan yang sedia terletak dihadapan singgahsana, kemudian Duli Yang Maha Mulia kedua. Sudah itu beliau pun meletakkan Bunga Panca Pancara ditelinga kanan Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan. Upacara diteruskan dengan enam orang lagi kerabat diraja merenjiskan Air Panca Bicara kepada kedua Baginda.

Setelah itu maka Duli Yang Maha Mulia kedua pun santap “Nasi Berastakana” yang disediakan.⁴¹

41 Ibid., hlm. 46.

Selain kedua naskah Melayu tersebut terdapat perbincangan pertabalán dalam naskah Melayu berjudul *Kenangan-Kenangan Selangor* yang ditulis oleh Dato' Amar Diraja Penghulu Istiadat Selangor Wan Muhammad Amin. Naskah ini menghuraikan dan membincangkan dengan lengkap pertabalán Sultan Sir Ala'eddin Suleiman Shah (1898-1938) pada 1903 dalam judul bab bukunya, "Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ala'eddin Suleiman Shah dan Tengku Ampuan Mahrum Paduka Seri". Naskah karangan Dato' Seri Aamar Diraja ini berjudul *Kenang-kenangan Selangor* (yang dijudulkan oleh A. Samad Ahmad, sebagai *Pesaka Selangor*).⁴² Naskah ini mencatatkan upacara pertabalán Sultan Sir Ala'eddin Suleiman Shah dan Tengku Ampuan Mahrum Paduka Seri seperti berikut:

Kalakian maka pada waktu yang baik sangat yang sempurna di-mulai-lah meletak pekerjaan tabal ia-itu pada hari Khamis 1 haribulan Syaban hijrat 1321 bersamaan dengan 23 Oktober tarikh masehi 1903 [sepatutnya 22 Oktober 1903]. Pada waktu pukul delapan pagi di-pasang meriam satu das alamat memulai pekerjaan. Maka berhimpun-lah sa-kalian orang besar2 serta penghulu2 dengan anak buah-nya masok ka-perdalaman, laki2 dan perempuan bekerja menghiasi balai dan istana serta panca persada....⁴³

...Isti'adat Pertabalán Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ala'eddin Suleiman Shah ia-itu pada hari Khamis 2 haribulan Syaaban Hijrat 1321 bersamaan 22 haribulan Oktober 1903 [sepatutnya Jumaat 23 Oktober 1903]. Maka pada waktu pukul sembilan pagi di-mula-kan-lah menjamu sa-kalian rakyat negeri bangsa Melayu dan pada waktu pukul 2 petang-nya di-tembak-kan satu das Meriam ia-itu memberi alamat supaya orang2 masok berhimpun ka-dalam istana dan tempat masing2 mengikut taraf-nya. Maka sa-kalian perempuan masok-lah ka-atas balai panca persada dengan memakai tudong kepala putih dan mereka itu di-ator oleh dua orang perempuan penghulu istana. Ada-lah dihadapan panca persada itu berbaris askar2 bangsa Sikh bersama2 dengan pasokan pancharagam keraajaan. Dan orang2 polis menjaga serta memberi aman kapada orang2 banyak. Sa-lain dari mereka itu, di-atas tanah berhampiran dengan tingkat bawah di-keliling balai panca persada ini di-ator 16 orang membawa lembing memakai baju satin kuning berseluar putih berkain chorak hitam, bersetangan kepala, batek tanah putih bunga hitam. 16 orang membawa benderang ia-itu tombak berambu, berseluar baju putih, berkain chorak hitam, bersetangan kepala merah, di-ator selang satu dengan orang2 yang membawa lembing di-keliling balai Panca Persada itu. 8 orang menyanndang pedang berchabur berdiri di hadapan Panca Persada memakai baju kuning seluar putih, kain chorak hitam setangan batek chorak hitam. 8 orang membawa payong kuning berator kiri kanan jalan di-antara istana dengan Panca Persada, pakaian-nya berseluar baju putih, berkain Bugis chorak hitam, bersetangan chorak hitam serta serta memakai tetapan.7 orang memukul nobat di-hadapan seri Panca

42 A. Samad Ahmad (ed.), *Pesaka Selangor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966.

43 Mardiana Nordin (dikaji dan diperkenalkan), *Kenang-Kenangan Selangor* Wan Muhammad Amin, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan, 2020, hlm. 78.

Persada. 18 orang jawatan perempuan di-hadapan Pancha Persada. 1 air langir, 1 lepas²an, 2 kain basahan, 2 air persiraman, 1 air bedak, 4 ambor².

Arakian pada waktu 3.30 petang, tatkala raja hendak berangkat ka-Pancha Persada, maka Betara Kiri pun berseru-lah akan angkatan raja berjalan ia-itu 2 orang membawa tombak berchanggih, 1 orang membawa tombak Sang Buana (seperti chogam), 16 orang perempuan membawa lilin berpakaian baju tekua biru, tangan kechil, berkain batek Jawa chorak hitam memakai selampai tersimpai di-bahu-nya. 8 orang perempuan biduan memakai baju tekua hitam pendek dan tangan-nya kechil serta berkain chorak hitam. 16 orang perempuan membawa kain dokong memakai baju tekua warna samar pendek, tangan kechil, berkain batek Jawa chorak merah. 3 orang perempuan sa-orang membawa kain tudong kepala, sa-orang membawa puan dan sa-orang membawa ketor memakai baju hitam laboh, tangan kechil dengan memakai tetampun wali tersimpai di-bahu-nya. 2 orang laki² membawa keris panjang, sa-orang membawa chepuk memakai baju sekak warna merah, berseluar panjang hitam, berkain Bugis chorak ungu, bersetangan Bugis serta memakai tetampun wali. Maka berjalan-lah sa-kalian yang tersebut itu.

Apabila raja suami isteri sampai di-pintu istana luar, maka nobat pun di-bunyikan lagu (Arak-arakan) dan askar² memberi hormat dan mengangkat senapang. Demikian juga pancharagam kerajaan pun berbunyi dan meriam pun di-tembakkan 17 das. Maka apabila sampai di-Pancha Persada, nobat nobat pun di-bunyikan lagu (Iskandar) ia-itu menantikan supaya orang² terator semua-nya. Maka masing² pun duduk-lah di-tempat yang di-atorkan. Sa-kalian mengadap kapada raja.

Ada pun raja suami isteri bersemayam di-atas di-atas Pancha Persada itu ia-lah di-atas petera'na dengan 14 orang raja² perempuan yang tua² yang akan menyiramkan. Apabila sudah siap terator sa-kalian itu, maka Bentara Kiri pun berseru akan Raja Haji Bot minta bawa naik anak raja² yang tua². Maka Raja Haji Bot pun datang-lah membawa Raja Laut dengan laku Menjunjong Duli, kemudian daripada itu Raja Laut pun menepok tepong tawar. Sa-telah selesai, ia pun turun-lah bersama² dengan Raja Haji Bot. Kemudian di-bawa pula oleh Raja Haji Bot akan Raja 'Abdul Rahman. Lepas itu Raja Mahmud bin Sultan Muhammad ka-dua-nya pun membuat demikian juga serta menepok tepong tawar. Bahawa ka-tiga orang anak raja ini-lah sahaja yang menepok tawar di-atas pancha persada. Habis itu, tirai pun di-labohkan kerana akan bersiram.

Pukul 3.45 di-mulakan-lah menyiramkan raja suami isteri. Maka nobat pun di-bunyikan lagu (Palu-palu) sa-hingga sampai selesai bersiram itu. Sa-telah selesai bersiram dan sudah memakai pakaian maka Bentara Kiri pun berseru akan Raja Haji Bot supaya datang membawa Khadi Besar akan membacha doa selamat. Maka masing² pun bertadah tangan berkata amin (minta perkenankan). Sa-telah selesai doa itu, maka Bentara Kiri berseru pula mengatakan raja hendak berangkat ka-istana. Maka sa-kalian jawatan dan pengiring² angkatan ka-Pancha Persada pun bersedia masing²

mengikuti seperti atoran datang tadi. Sejurus lama-nya, tirai pun terbuka dan kelihatan-lah wajah Yang Maha Mulia sudah sempurna bersiram.

Pukul 4.15, Ka-Bawah Duli suami isteri berangkat turun dari Pancha Persada. Apabila sampai sahaja, Duli Yang Maha Mulia pada tingkat yang kedua maka nobat pun di-bunyikan lagu (Arak-arakan), pancharagam kerajaan pun berbunyi, Askar² memberi hormat dan meriam di-tembak sa-banyak 17 das.

Maka apabila sampai ka-istana, Duli Yang Maha Mulia pun naik-lah ka-atas lalu ka-majlis besar kerana bersalin pakaian ia-itu memakai jubah kerajaan. Sa-kalian jawatan dan pengiring² ini berator di-balairong di-sabelah kanan kiri singgahsana. Ada pun balairong itu semua-nya di-hias dengan kekuningan ia-itu menurut sa-bagaimana isti'adat kerajaan Melayu....

Maka apabila sudah siap terator semua-nya, waktu pukul 4.45 Bentara Kiri pun berseru memberi tau bahawa raja akan berangkat keluar ka-majlis balairong. Sejurus lagi naka raja suami isteri pun siap-lah lalu bersemayam di-atas singgahsana dan nobat pun dibunyikan lagu (*Ibrahim Khalilullah*). Seketika lama-nya nobat pun diam. Maka tampil-lah pula Raja Laut menjunjong duli serta berdatang sembah, "Patek sa-kalian Ahlul Hal mempersembahkan Mahkota Kerajaan."

Kemudian daripada itu, maka Dato' Penggawa Tua berseta [berseta] Dato' Maharaja Lela pun datang-lah dengan menatang dua talam keemasan yang terletak di-dalam-nya dua buah mahkota. Kemudian Bentara Kiri pun berseru nama Raja Haji Bot, titah di-panggil. Maka Raja Haji Bot pun tampil mengadap dengan laku Menjunjong Duli dan Raja Laut pun berkata, "Sila terima mahkota yang di-bawa oleh Dato' Penggawa itu, sembahkan sa-bagaimana tertib-nya."

Maka Raja Haji Bot pun mengangkat tangan serta melakukan peratoran memakaikan mahkota itu ia-itu di-angkatkan bulang ulu yang di-pakai di-atas ulu tuanku dengan berkat nama Allah, lalu di-letakkan di-atas talam mahkota yang di-bawa oleh Dato' Penggawa itu kemudian di-angkatkan pula mahkota yang ada itu lalu di-letakkan di-atas ulu tuanku dengan berkat nama Allah.

Bahawa apabila terletak sahaja mahkota itu di-atas ulu tuanku, maka Tuan Ressen Jeneral pun bangkit berdiri memberi hormat, meriam di-tembak 17 das, askar memberi hormat dengan mengangkat senapang, demikian jua sa-kalian tuan² semua-nya memberi hormat. Nobat di-bunyikan lagu (*Ibrahim Khalilullah*) dan pancharagam kerajaan berbunyi lagu selamat. Kemudian daripada itu, di-angkat-lah oleh Raja Haji Bot mahkota yang di-bawa Dato' Maharaja Lela itu di-letakkan pula di-atas ulu Tengku Ampuan dengan berkat nama Allah. Maka sa-telah selesai hal itu, Raja Haji Bot pun bertelut menjunjong duli lalu kembali duduk di-tempat yang sedia. Kemudian Bentara Kiri berseru pula akan nama Raja Mahmud bin Sultan Muhammad. Maka Raja Mahmud pun berdiri seraya berkata, "Patek sa-kalian Ahlul Hal telah menzahirkan bagi Duli Yang Maha Mulia-lah takhta Kerajaan negeri Selangor dan sa-kalian ta'alok jajahan-nya. Tuanku-lah yang berdaulat".

Maka berkata-lah sa-kalian orang, “Daulat Tuanku, Daulat Tuanku, Daulat Tuanku”.

Maka nafiri pun di-tiupkan mengikut tiap-tiap kali perkataan “Daulat Tuanku” itu. Kemudian nobat pun di-bunyikan lagu (*Ibrahim Khalilullah*). Sejurus lagi nobat pun diam. Maka Bentari Kiri pun berseru pula akan nama Dato’ Penggawa Tua, lepas itu nama Shahbandar dan kemudian nama Orang Kaya Kechil. Maka ka-tiga2-nya pun datang lepas sa-orang, sa-orang mengangkat tangan dengan melakukan menjunjong duli, dan orang2 banyak sa-kalian-nya mengangkat tangan juga tetapi dari jauh sahaja. Sa-telah itu, Bentara Kiri berseru pula akan nama khadi supaya membacha doa selamat. Dan masing2 pun bertadah tangan berkata amin. Apabila selesai membacha doa itu maka Tuan Residen Jeneral pun tampil memberi hormat akan raja suami isteri berpegang tangan. Kemudian daripada itu, Tuan Pemangku Residen pula tampil memberi selamatkan raja suami isteri. Waktu pukul 5.20 maka Duli Yang Maha Mulia pun berangkat naik ka-atas majlis besar dan selesai-lah tabal itu ada-nya”.⁴⁴

Satu perkara yang dirasakan sangat perlu dikongsi, tulisan Dato’Seri Amar Diraja Wan Muhammad Amin mengenali pertabalan tersebut sangat mirip dengan catatan pertabalan yang ditulis oleh Raja Bot bin Raja Jumaat. Pada naskahnya, Raja Bot menjudulkan: “Aturan ber-siram tabal Duli yang maha-mulia, Sultan Selangor”, dan “Pakaian naik ke-baley, dan masuk ke-istana, pada masa bekerja ber-adat istiadat Raja Kera-jaan”.⁴⁵

Kesimpulan

Pertabalan adalah upacara yang dilangsungkan dalam upacara gilang gemilang dalam tempoh masa dan hari yang ditetapkan bagi mengabsahkan dan mendaulatkan Raja Pemerintah baru. Dengan itu apabila daulat sudah bersebati dalam tubuh raja, titah Raja tidak ada yang salah, dan raja tidak pernah mangkat. Oleh itu punca kuasa dalam Institusi Raja Melayu adalah terletak pada Raja Pemerintah.

Singkatan

DO	-	Dominion Office
MS	-	Manuscript
PSUKNSEL	-	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

44 Ibid., hlm. 73-86.

45 PSUKNSEL, 6508/1903, Malay Account of Raja Bot, November 5, 1903.